

PM sifatkan tuduhan DAP 'cakap orang yang nak kalah'

UM 26 MAR 1990

KUALA LUMPUR 25 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tuduhan DAP bahawa beliau akan menipu untuk memenangi pilihanraya umum akan datang sebagai "cakap orang yang nak kalah".

Perdana Menteri menegaskan, Barisan Nasional dan Perikatan sebelum ini sudah memenangi tujuh pilihanraya tanpa perlu menggunakan taktik kotor seperti itu.

"Dan jika kita menipu, bagaimana DAP boleh menambah bilangan kerusinya dalam pilihanraya 1986," beliau bertanya.

"Tak payah tipu pun kita boleh menang," ujarnya.

Perdana Menteri berkata demikian bila diminta mengulas tajuk utama muka depan akhbar DAP "The Rocket" keluaran terbaru.

Tajuk itu berbunyi Dr. M

siap sedia untuk menipu dalam pilihanraya ("Dr. M Set to Cheat in Elections").

Akhbar berbahasa Inggeris itu mendakwa terdapat bukti yang jelas bahawa kerajaan Dr. Mahathir sedang bersiap sedia untuk menipu dalam pilihanraya umum akan datang.

Mendakwa

Bagaimanapun ia tidak pula menghuraikan bagaimanakah penipuan itu akan dibuat kecuali mendakwa bahawa "UMNO baru telah mengambil alih (*hijacked*) kerja-kerja Suruhjaya Pilihanraya untuk memudahkan penipuan yang hendak dilakukannya dalam pilihanraya akan datang."

Perdana Menteri berkata, DAP membuat tuduhan itu kerana jika ia kalah nanti, bolehlah ia kata kekalahan itu disebabkan kerajaan menipu.

"Kalau kita hendak tipu dia tidak boleh menang; kita yang menang selalu, macam di setengah-setengah negara di mana parti lawan tidak boleh menang.

"Tapi di Malaysia, parti lawan bukan sahaja boleh menang, dalam tahun 1986 kerusi mereka bertambah dan Barisan Nasional tidak protes pun kata mereka menipu," ujar beliau.

Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan undang-undang memandangkan berita itu berbau fitnah, Perdana Menteri berkata adalah agak sukar membawa kes fitnah ke mahkamah.

Ini, katanya, kerana pihak yang memfitnah itu tahu bahawa jika mereka dibawa ke mahkamah, mereka boleh buat bermacam-macam cerita lagi seperti yang mereka laku-

LIHAT MUKA 2

PM sifatkan tuduhan DAP 'cakap orang yang nak kalah'

kan di Parlimen.

"Ini cara mereka, jadi kita tidak akan membawa perkara ini ke mahkamah walaupun kebelakangan ini kita lihat macam-macam tuduhan dibuat dengan bebas sekali," katanya.

Dr. Mahathir menambah, beliau bukannya tidak percaya pada mahkamah tetapi "kita dapati bahawa dalam proses itu jika kita menang mereka akan kata kerana kita menguasai mahkamah dan kalau kita kalah,

mereka cukup suka-lah."

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan itu adalah cara parti lawan dan beliau yakin rakyat tidak akan menerima cara-cara yang kotor seperti itu.